

**29/09/2016 - Perhimpunan Agung Tahunan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia Ke-41**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

**YB. Dato' Sri Mohd Johari Baharum**

Timbalan Menteri Pertahanan merangkap Yang Dipertua PEMADAM,

**YBhg. Dato' Omar Osman,**

Naib Yang Dipertua PEMADAM,

**YB. Senator Dato' Hj. Mohd Suhaimi Bin Abdullah**

Timbalan Yang Dipertua PEMADAM

**YB. Dato' Haji Tajul Urus Bin Haji Mat Zain,**

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)  
Negeri Kedah -merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pemadam Negeri Kedah,

**YB. Dato' Haji Abdul Fattah Haji Mahmood**

Naib Yang Dipertua Pemadam, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM  
Negeri Kelantan

**YBhg. Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Panglima Haji Ahmad Ayid**

Naib Yang Dipertua PEMADAM Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pemadam  
Negeri Sabah

**YBrs. Dr. Nik Yahya Ab. Rahman**

Setiausaha Agung PEMADAM

Ahli-ahli Majlis Anti-Dadah PEMADAM, YB. Pengerusi Penyelaras PEMADAM Negeri & Daerah, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta ahli PEMADAM yang dihormati sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita diberi kesempatan untuk berhimpun di Perhimpunan Agung Tahunan PEMADAM Kebangsaan kali ke-41 di Langkawi, Kedah.
2. Saya difahamkan perhimpunan pada hari ini dihadiri seramai 2,000 delegasi para pewakilan PEMADAM. Atas semangat dan komitmen saudara dan saudari sekalian dalam menghadiri perhimpunan ini syabas dan tahniah saya ucapkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PEMADAM kerana sudi menjemput dan memberikan saya ruang dan peluang untuk menyampaikan amanat kepada saudara dan saudari sekalian.

## **PERANAN PENJAWAT AWAM DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL**

3. Menyentuh mengenai perkhidmatan awam, penjawat awam telah mengalami titik transformasi yang baharu. Peranan penjawat awam bukan sahaja dalam merangka atau melaksanakan sesuatu dasar tetapi ia perlu **memahami akan aspirasi dan masalah rakyat**. Proses ini bukan sahaja terbentuk berikutan perubahan landskap politik negara tetapi ini adalah berikutan tuntutan rakyat pada hari ini supaya mereka turut dirundingi dalam proses penggubalan dasar dan hala tuju pembangunan negara.
4. Menyentuh mengenai perihal tadi, saya percaya di dalam dewan ini, ada dalam kalangan saudara dan saudari yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Para Pendidik, Pesara Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan, Aktivis NGO dan sebagainya yang memainkan **peranan utama** dalam pencegahan dan penyebaran mesej anti-dadah.

5. Saya berpendapat bahawa saudara saudari boleh berperanan lebih jauh lagi dalam menangani masalah sosial khususnya mengenai gejala penyalahgunaan DADAH di negara ini. Malah perkara ini dapat direalisasikan sekiranya saudara dan saudari dapat mencari kaedah penyelesaian yang terbaik.

### **MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM**

6. Menyedari akan kepentingan dan keperluan untuk kita berfikiran lebih jauh dan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat, saya telah memperkenalkan konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam.**
7. Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang berasaskan kepada enam prinsip, iaitu Keterbukaan; Turun Padang; Musyawarah; Insaniah; Kekitaan, dan Kerjasama Awam-Swasta dan NGO, telah diperkenalkan sebagai panduan kepada setiap penjawat awam bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam negara.
8. Daripada keenam-enam prinsip tadi, penekanan kepada salah satu prinsip yang perlu diberi fokus oleh saudara dan saudari sekalian ialah pendekatan **musyawarah atau engagement.** Sebagai perwakilan PEMADAM, saudara dan saudari perlu menitikberatkan pendekatan musyawarah secara bersama dalam mencari **formulasi yang terbaik** di antara *stakeholders* atau pihak berkepentingan yang terlibat.

### **PERANAN PEGAWAI DAERAH TIDAK HANYA MELIPUTI PENTADBIRAN**

9. Sebagai contoh, para Pegawai Daerah yang juga bertindak sebagai Pengerusi PEMADAM Daerah seharusnya bergiat aktif dan bersepadu dalam melibatkan seluruh pihak **komuniti setempat atau masyarakat sekeliling** dengan lebih erat lagi. **Peranan Pegawai Daerah** bukan sahaja dalam aspek pentadbiran tetapi merangkumi penggubalan program **membanteras gejala sosial** seperti **penyalahgunaan dadah dalam kawasan daerah masing-masing.** Saya percaya, idea-idea baharu dan tenaga muda daripada para sukarelawan seperti **IM4U** juga boleh diperolehi supaya **program yang dirancang lebih inklusif dan relevan.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya juga ingin menyarankan agar para perwakilan PEMADAM **lebih peka** dan mendekati denyut nadi rakyat dengan mengambil langkah proaktif untuk **turun padang** dalam melihat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai contoh, Program Jejak Mesra Perkhidmatan Awam (**Search and Assist**) telah diperkenalkan di mana para penjawat awam perlu **bersikap proaktif** untuk mengenal pasti golongan sasaran yang boleh diberikan perkhidmatan secara langsung tanpa perlu menunggu untuk rakyat datang kepada kita. Saya berharap para perwakilan PEMADAM juga boleh melihat dan mempraktikkan kaedah seumpama ini.
11. Secara prinsipnya, sebagai langkah proaktif saya berharap saudara dan saudari dapat mewujudkan lebih banyak forum atau landasan yang **membolehkan rakyat memberikan idea atau mengadakan perbincangan secara membina**. Pendekatan ini boleh dilakukan secara kaedah konvensional atau dengan teknologi media baharu, namun ia tidak membataskan para perwakilan PEMADAM untuk lebih **mudah didekati** dan dapat dijadikan sebagai pakar rujuk kepada masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN DALAM MENANGANI GEJALA PENYALAHGUNAAN DADAH**

12. Kerajaan pada hari ini telah mengamalkan pendekatan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang menekankan kepada pemikiran kreatif dan inovatif serta didasari oleh **tiga prinsip** iaitu pelaksanaan yang pantas (*rapid execution*), kos yang rendah (*low cost*) dan berimpak tinggi (*big impact*). Pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan di bawah NBOS demi kesejahteraan rakyat.
13. Salah satu contoh inisiatif terbaik ialah Pusat Transformasi Bandar atau UTC yang bertindak sebagai pusat perkhidmatan dan ekonomi kepada rakyat. UTC bukan sahaja menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan kepada rakyat, tetapi telah membuka **dimensi perkhidmatan awam** dengan menyalurkan perkhidmatan daripada

luar kebiasaan dengan waktu operasi tiap-tiap hari dari jam 8.00 pagi sehingga pukul 10.00 malam.

14. Namun, apa yang ingin saya kongsi dengan saudara dan saudara sekalian ialah mengenai kejayaan **Program Rehabilitasi Komuniti atau CRP** yang merupakan salah sebuah inisiatif NBOS. Inisiatif ini telah diusahakan bersama oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia bagi melaksanakan **pemulihan banduan di luar tembok penjara** bagi banduan yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Malah inisiatif ini bertujuan untuk memberikan kemahiran bertani, latihan vokasional dan keusahawanan serta rehabilitasi kepada banduan-banduan untuk mengurangkan perlakuan semula jenayah apabila mereka kembali kepada masyarakat.
15. Melalui CRP, kes kemasukan semula banduan (**residivist**) dapat **dikurangkan kepada 0.58%**. Pembinaan **sebuah CRP** melibatkan kos sejumlah **RM8.30 juta** dengan kapasiti 200 ODS (Orang Di Selia) berbanding **RM46.44 juta** bagi **sebuah penjara** yang baharu.
16. Sehingga kini terdapat **6 buah CRP** di seluruh negara. Ahli-ahli keluarga ODS dibenarkan melawat mereka pada setiap hujung minggu dan hari kelepasan am di mana ia **memupuk nilai-nilai dan sokongan kekeluargaan.**
17. Saya berharap kejayaan inisiatif seumpama ini dapat dijadikan sebagai contoh terbaik kepada saudara –saudari dalam memperkasakan dan mempelbagaikan aktiviti dan fungsi PEMADAM. Saya percaya, sekiranya saudara dan saudari berupaya untuk **mengembangkan pemikiran dan berfikir secara lebih kreatif** dalam menangani ancaman penyalahgunaan dadah dalam masyarakat, **PEMADAM akan lebih kukuh sebagai badan NGO utama** memerangi Dadah di negara ini.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada PEMADAM, Pasukan Polis Diraja Malaysia khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan KASTAM dan Imigresen Malaysia serta AADK kerana sentiasa bekerja keras dalam

membanteras penyalahgunaan dadah di negara ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan syabas kepada Kementerian dan agensi lain yang turut sama membantu seperti Kementerian Wanita & Pembangunan Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

19. Akhir kata, saya berharap agar saudara dan saudari sekalian akan terus memberikan komitmen untuk menjayakan dan membantu melancarkan agenda negara demi kesejahteraan bersama. Semoga segala usaha murni kita ini akan terus dirahmati dan diberkati olehNya. InsyaAllah.

Sekian. Selamat Bersidang.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2084>